

Warta suku tahun yang menghubungkan penerbitan sumber dalam BM dengan gereja-gereja BM di Malaysia

Goncangan Besar & Kesempatan Besar

"Sebab beginilah firman TUHAN semesta alam: Sedikit waktu lagi maka Aku akan mengguncangkan langit dan bumi, laut dan darat; Aku akan mengguncangkan segala bangsa, sehingga barang yang indah-indah kepunyaan segala bangsa datang mengalir, maka Aku akan memenuhi Rumah ini dengan kemegahan, firman TUHAN semesta alam. Kepunyaan-Kulah perak dan kepunyaan-Kulah emas, demikianlah firman TUHAN semesta alam. Adapun Rumah ini, kemegahannya yang kemudian akan melebihi kemegahannya yang semula, firman TUHAN semesta alam, dan di tempat ini Aku akan memberi damai sejahtera, demikianlah firman TUHAN semesta alam." (Hagai 2:7-10)

"Goncangan besar" yang dinubuatkan oleh Allah ini akan tiba, malah sudahpun bermula di Malaysia! Sebagai umat-Nya, kita perlu mengambil kesempatan waktu ini untuk kerajaan Allah dan membawa hasil tuaian. Ini bukan musim ketakutan, tetapi untuk bersuka, kerana Allah mahu memuliakan diri-Nya melalui umat-Nya pada waktu ini.

Ibrani 12:26-29 menyatakan, "Waktu itu suara-Nya mengguncangkan bumi, tetapi sekarang Ia memberikan janji: "Satu kali lagi Aku akan mengguncangkan bukan hanya bumi saja, melainkan langit juga." Ungkapan "Satu kali lagi" menunjuk kepada perubahan pada apa yang dapat digoncangkan, karena ia dijadikan supaya tinggal tetap apa yang tidak tergoncangkan. Jadi, karena kita menerima kerajaan yang tidak tergoncangkan, marilah kita mengucap syukur dan beribadah kepada Allah menurut cara yang berkenan kepada-Nya, dengan hormat dan takut. Sebab Allah kita adalah api yang menghanguskan."

Allah sedang menghakimi seluruh dunia beserta sistemnya. Goncangan ini akan memberi kesan kepada seluruh penciptaan, termasuk langit dan bumi, laut dan darat. Bahkan alam rohani juga akan digoncang.

Segala sistem buatan manusia akan dihakimi. Segala sesuatu di mana kita meletakkan kepercayaan kita selain daripada Allah, akan goncang dan jatuh. Kerajaan yang tidak bersih akan dihukum dan jatuh (Yesaya 1: 1-17). Semua sistem kepercayaan yang palsu akan didedahkan (1 Raja-raja 18: 16-39; Yesaya 2: 6-11, 19-21). Ketidak-mampuan ilah-ilah palsu untuk menyelamatkan pengikut mereka dalam masa krisis (Keluaran 7: 1-11: 10) akan menjadi jelas. Semua sistem komersial berasaskan penipuan dan ketamakan akan runtuh (Amsal 20:10, Yesaya 4: 8-15). Sistem kewangan dan pasaran saham akan jatuh. Nilai mata wang akan merundum. Bekalan makanan akan sukar untuk didapatkan.

Tetapi di tengah-tengah semua ini, kemuliaan Allah akan memenuhi bait-Nya. Dia akan menunjukkan hadirat-Nya. Kuasa dan kasih-Nya akan memenuhi rumah-Nya (Hagai 2:6-9). Pada zaman akhir ini, Dia akan melakukan mukjizat yang luar biasa walaupun di tengah-tengah goncangan yang sangat besar.

Apabila goncangan besar ini bermula, Tuhan adalah perlindungan kita. Hanya kepada-Nya saja, dan bukan manusia, kita akan mendapat kedamaian, keselamatan, sukacita, perlindungan dan bekalan (Hagai 2:9; Ibrani 12:28).

Sebagai persediaan untuk goncangan besar ini, kita mesti menyembah Tuhan dengan penuh hormat dan kagum (Ibrani 12:29). Kita harus mengasihi Dia dengan segenap jiwa, hati, fikiran dan kekuatan kita, dan tidak lagi meletakkan Tuhan si tempat kedua atau terakhir (Matius 22:37-38). Ketika kita berjalan dekat dengan Allah dan mencari kerajaan-Nya, Dia akan mengajar kita dari firman dan oleh Roh-Nya, supaya kita siap untuk menghadapi Goncangan Besar dan bangkit sebagai Gereja Allah yang gemilang dan menang. Jika tidak, kita akan hanyut bersama-sama dengan dunia oleh api kemurkaan Allah. Tuhan memberkati kita.



Sowing BM Christian Resources
Bridging Christian Communities

Misi Wawasan Penabur:

1. Mengembang & mengedar bahan-bahan sumber BM Kristian dengan bekerja-sama dengan Gereja BM di Malaysia.
2. Membangun kesedaran tentang peluang dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Gereja BM.
3. Menjadi jambatan antara Gereja BM dan bukan BM.

Berita Rakan Penabur

ialah penerbitan berita elektronik pelayanan Wawasan Penabur.

Alamat Surat-Menyurat:

P.O.Box: 8327,

Kelana Jaya Post Office,

46787 Petaling Jaya

SELANGOR

Tel/Fax: 03-5888 4987

Email: wawasan.penabur@gmail.com

Website: wawasanpenabur.org

Menabur Bahan Sumber BM Kristian

Permata Sekolah Minggu – Bahan Sekolah Minggu

Pada bulan Mei 2015, Wawasan Penabur menandatangani perjanjian dengan Sun Focus Foundation dari Hong Kong untuk menterjemah dan menerbitkan Pelajaran Alkitab Kreatif (CBL) ke dalam Bahasa Malaysia. CBL adalah kurikulum Sekolah Minggu untuk mengajar Firman Tuhan kepada kanak-kanak berumur 5-12 tahun dalam lapan tahun berturut-turut. Ia mempunyai 416 pelajaran yang telah dibangunkan sesuai dengan pemahaman kanak-kanak di setiap peringkat umur.



CBL dilahirkan semasa mengajar kanak-kanak dan anak-anak muda lintas denominasi pada akhir 1960-an di Indonesia. Teks asal ditulis dalam Bahasa Indonesia oleh dua orang misionaris. **Suara Sekolah Minggu (SSM)**, CBL versi Indonesia telah digunakan oleh gereja-gereja BM (terutamanya SIB) sejak akhir 1980-an. **SSM** yang mempunyai 18 jilid dijual pada harga RM 38 per buah menjadikan ia di luar jangkauan guru-guru Sekolah Minggu.



Pada 15 Ogos 2007, tiga kotak SSM dari Indonesia dirampas di LCCT Sepang oleh Kementerian Dalam Negeri dengan alasan penerbitan tersebut mengandungi perkataan "Allah". SIB Sabah telah menyaman Kerajaan dan meminta mahkamah untuk buku-buku yang disita itu dikembalikan. Bahan pendidikan Kristian yang diimpot sentiasa di bawah radar, menjadikan Gereja di Malaysia sukar mendapatkan bahan pemuridan untuk jemaah mereka.

Permata Sekolah Minggu yang akan diterbitkan oleh Wawasan Penabur adalah versi Bahasa Malaysia CBL. Ia adalah produk yang lahir daripada kasih sayang dan dipersembahkan khusus kepada generasi muda yang sedang membesar dewasa di sekeliling kita. Yesus mengutus kita untuk mengajar segenap bangsa, termasuk kanak-kanak agar menuruti segala ajaran-Nya. Maka, tidak cukup hanya untuk mengasihi dan menghargai kanak-kanak. Kita mesti memuridkan mereka sebelum kita kehilangan mereka kepada dunia.

Dengan harga jualan RM 10 senaskah (lengkap dengan semua bahan bantu pengajaran), **Permata Sekolah Minggu** akan dapat dijangkau oleh semua. Wawasan Penabur percaya dalam usaha menguatkan iman kepercayaan guru-guru Sekolah Minggu. Bila mereka sudah diperkuatkan, mereka boleh mengajar kanak-kanak di Sekolah Minggu dengan lebih baik lagi.



Semoga **Permata Sekolah Minggu** akan menjadi satu gudang benih di tangan-tangan mereka yang mengajar di Sekolah Minggu sesuai dengan janji dalam 2 Korintus 9: 10, "Dia yang menyediakan benih bagi penabur, dan roti untuk dimakan. Dia juga yang akan menyediakan benih bagi kamu dan melipatgandakannya dan menumbuhkan buah-buah kebenaranmu." Semoga ia menjadi makanan dan minuman rohani bagi kanak-kanak menurut janji dari Mazmur 23: 5, "Engkau menyediakan hidangan bagiku, di hadapan lawanku; Engkau mengurapi kepala dengan minyak; pialaku penuh melimpah."



Menjambatani Komuniti Kristian

Inisiatif TITUS 2:7

Putrajaya to bar Bibles with 'Allah' in peninsula under proposed SOP



A new set of guidelines being proposed by the Penang state...

Baru-baru ini Bahagian Kawalan dan Penerbitan Teks Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri telah memperkenalkan satu Standard Operating Procedure (SOP) bagi pengimportan Alkitab untuk gereja-gereja di Semenanjung Malaysia. SOP yang baru itu secara khusus menasaskan umat Kristian dalam pengimportan dan penggunaan Alkitab. Kini pengimportan tertakluk kepada undang-undang yang pada asalnya bertujuan hanya untuk orang Islam – Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986. Pengimport kini perlu memohon dari KDN yang mempunyai kata putus sama ada pengimportan itu dibenarkan. Prinsip umum dalam SOP ini ialah penerbitan Kristian yang mengandungi perkataan "Allah" tidak boleh diimport ke Semenanjung Malaysia, dan jika dibawa masuk, destinasi terakhir mereka haruslah ke Sabah dan Sarawak.

Pada dasarnya, sembilan butir dalam SOP baru itu mewajibkan pengimport mendapatkan surat kebenaran dari Bahagian Pengawasan dan Teks Al-Quran KDN sebelum membawa masuk bahan penerbitan Kristian. Ini tidak pernah menjadi satu keharusan. Penghantaran transit ke Sabah dan Sarawak dibenarkan hanya dengan "tiket pelepasan segera" yang sah. Kini Alkitab hanya boleh dibawa masuk ke Semenanjung dari Sabah dan Sarawak untuk kegunaan peribadi sahaja. Walau bagaimanapun, tiada siapa pun yang tahu bagaimana KDN akan memantau arahan "untuk kegunaan peribadi" tersebut.



Dibawa dengan tangan ke Semenanjung



AES untuk STP Belaga (30) dan STP Long Lama (20)



AES untuk MEC Miri (39) dan Anglikan Miri (30)

Dengan peluang yang masih terbuka untuk Sabah dan Sarawak, kami mempunyai 2,000 naskah Alkitab Edisi Pengajian dari LAI yang sedia untuk dibawa masuk melalui "Inisiatif Titus 2:7". Itu harus dilakukan dengan pantas. RM 200,000 diperlukan untuk merealisasikan ini. Kami mempercayai Tuhan untuk menyediakan wang tersebut sebelum akhir bulan Ogos.

Kempen "Satu Anak Kristian Satu Alkitab"

Direktori Rasmi Katolik 2012 menyatakan bahawa terdapat 1,007,643 orang Katolik di Malaysia pada akhir tahun 2010. Itu merupakan 3.56% daripada jumlah penduduk Malaysia, atau kira-kira 40% daripada orang Kristian di negara ini.




Angka ini belum lagi termasuk tambahan sekitar 50,000 orang asing di Archdiocese Kuala Lumpur. Hampir 70% daripada Katolik di negara ini tinggal di Sabah dan Sarawak.

Sebagai denominasi terbesar (51% di Sabah dan 52% di Sarawak), Gereja Katolik mengakui bahawa mereka juga tidak terlepas daripada usaha-usaha pengislaman yang agresif. Malah, jemaat mereka lebih cenderung untuk tukar agama berbanding dengan denominasi Kristian yang lain. Bahan bacaan yang baik dalam Bahasa Malaysia tidak mudah untuk didapati. Sama seperti yang lain, Gereja Katolik juga banyak bergantung kepada bahan-bahan pemuridan bukan Bahasa Malaysia untuk umat mereka.

Pada bulan Mei 2012, Wawasan Penabur diberi sebuah slot yang singkat untuk berkongsi tentang isu-isu pengislaman dalam satu Retret Kepimpinan Katolik di Kota Kinabalu. Tidak lama selepas itu, kami mula menerima tempahan untuk buku apologetik. Sehingga hari ini, Gereja Katolik sahaja telah membeli hampir 14,000 naskah Pautan Iman dari Wawasan Penabur.



Pada Persidangan Uskup Katolik tahun 2014 lepas, Alkitab Kanak-Kanak telah sesuai untuk kegunaan Gereja Katolik. Sejak itu, ribuan Alkitab Kanak-Kanak telah dibeli dan pesanan terbaru adalah 10,000 naskah dari Keuskupan Agung Kuching.



Penting dan signifikannya angka "satu" dalam Kempen "Satu Anak Kristian Satu Alkitab"

Pokok Doa

BERSUKA & BERSYUKUR bersama kami untuk:

1. Rahmat dari Tuhan untuk semua peluang dan pintu yang terbuka bagi kami bekerjasama dengan pelbagai gereja, denominasi, individu & organisasi Kristian di pelbagai tempat.
2. Penyediaan dan penguatan dari Tuhan untuk semua pelayanan Wawasan Penabur.
3. Anda... rakan sepelayanan dan Rakan Penabur kami.

BERDOA bersama kami untuk:

1. Perlindungan Tuhan atas pelayanan ini.
2. Perlindungan ilahi untuk kami dan keluarga kami.
3. Perlindungan untuk semua perjalanan kami.
4. Hikmat dan petunjuk dari Tuhan yang jelas untuk pelbagai keputusan bagi peluang-peluang pelayanan.
5. Jadual perjalanan dan perkongsian kami:

Julai	12	Petaling Jaya Gospel Hall
	17-19	Kempen Satu Anak Satu Alkitab untuk ACS Bahagian Kapit, Sarawak
	20-22	MTS Malangkap, Kota Belud. Pusat Pendidikan Teologi PCS, Kudat.
	26	Varsity Gospel Centre, PJ
Ogos	31-2	Baptist Churches in Lahad Datu
	Ogos	
	12-14	Konferensi Pastor SIB Sabah, KK
September	16	Balai Baptis Kalvari, PJ
	25-27	Konferensi Pastor BEM Sarawak Zon Selatan, Sarikei
	1-3	Konferensi Pastor BEM Sarawak Zon Utara, Merapok
	8-10	Konferensi Pastor BEM Sarawak Zon Tengah, Marudi
	20	Majlis Kesyukuran Wawasan Penabur dan Pelancaran Inisiatif Sikhem

Sila hubungi kami jika gereja anda mahu kami berkongsi tentang peluang dan cabaran yang dihadapi oleh Gereja BM di Sabah & Sarawak.

Tuhan memberkati anda.